

12/04/2004

Usaha gigih capai status bangsa gemilang, terbilang

Dr Ahmad Zaki Ismail

MENYEBUT, mengulanginya, memikir cara dan melaksanakan sesuatu perkara adalah komponen yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain.

Mukadimah kata ini walaupun janggal, ia merujuk senario semasa yang melanda negara. Pengulangan frasa, kata-kata, petikan ucapan yang disebarkan secara meluas mewujudkan fenomena baru yang ketara.

Mungkin ini adalah musim transisi di antara zaman Wawasan 2020 kepada menyerlahkannya ke arah realiti yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Ini juga manifestasi pertukaran kepemimpinan di antara era Tun Dr Mahathir dan era Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Secara positifnya, kita mengakui setiap pemimpin mempunyai gaya pendekatan dan objektif serta kepentingan berbeza.

Asas negara yang diletakkan kepemimpinan empat Perdana Menteri Malaysia adalah kukuh, teguh dan jitu. Kini era Pak Lah yang menekankan moto 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' meneruskan pengemblengan Wawasan 2020 yang diilhamkan pemimpin terdahulu.

Jika 'yakin boleh' dan 'Malaysia boleh' sebelum ini diterjemahkan melalui penampilan yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada peringkat nasional dan antarabangsa, alangkah bertuahnya kita menjadi rakyat Malaysia. Apa yang penting adalah menterjemahkannya dengan tindakan dan pencapaian bukan setakat retorik semata-mata.

Menterjemahkan keupayaan dan kejayaan negara ke peringkat antarabangsa bukan mustahil atau sukar untuk dicapai. Petanda awal sudah diserlahkan dengan pencapaian 16 syarikat negara yang tersenarai dalam majalah Forbes edisi 200 baru-baru ini.

Secara tersurat, dunia sudah mengiktiraf kemampuan dan kejayaan usahawan negara ini dalam dunia korporat dan perniagaan antarabangsa.

Pada masa negara lain di rantau ini dan beberapa rantau lagi bergelut dengan pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik kita jauh ke depan hingga mampu menyaingi bukan saja negara sedang membangun lain, tetapi turut menyaingi beberapa negara maju.

Kita tidak lagi menoleh kepada Singapura selaku negara pesaing yang dirujuk dari segi pencapaiannya termasuk Keluaran Negara Kasar dan pendapatan per kapita, tetapi kita mewujudkan benchmark sendiri.

Melalui kemudahan infrastruktur bertaraf dunia di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan kejayaan Proton membida syarikat Lotus berbanding tawaran lain adalah rentetan kejayaan mutakhir kita.

Modul pembangunan diri yang menjadi modul teras dalam Program Khidmat Negara patut merangkumi apresiasi kejayaan individu dan syarikat negara ini bagi membakar semangat juang dan motivasi diri generasi muda kita.

Hanya jiwa besar melahirkan idea yang besar dan mencipta kejayaan besar. Semangat jaguh kampung sudah kita tinggalkan kerana melalui dasar langit terbuka wadah perjuangan terbentang seantero dunia.

Dengan Kabinet baru dan penstrukturan semula agensi dan kementerian, maka sesuatu mesti dilakukan dengan betul dan cepat. Kita melihat bagaimana Korea Selatan negara membangun dan berada pada status yang sama dengan kita tidak berapa lama dulu muncul selaku gergasi dalam industri elektronik, komunikasi dan automobil. Inilah realiti yang patut kita amati dan hayati bersama.

Dalam melaksanakan agenda pembangunan berterusan, komitmen yang tinggi

amat diperlukan daripada sektor kerajaan dan swasta. Sektor kerajaan menjadi landasan yang akan memudahkan, menjurus arah dan memangkinkan usaha yang dilakukan sektor swasta.

Sebagai pembuat dasar, kajian menyeluruh perlu dilaksanakan sebelum sebarang polisi diluluskan. Implikasi pelaksanaan polisi janganlah menjadi batu penghalang kepada usaha yang sedang dilakukan.

Gandingan lain yang amat perlu dalam mendukung kejayaan negara adalah sektor kewangan. Peranan sektor ini sepatutnya tidak terlalu ketat sehingga menghalang percambahan sektor perdagangan. Melalui syarat yang mengongkong dan ketat, sektor kewangan hanya menjadi abdi kepada keuntungan material. Jika simbol ringgit yang diambil kira sektor ini, budaya usahawan akan terbantut dan hanya dihayati sebilangan kecil masyarakat.

Sedangkan di Jepun, Thailand, China, Korea Selatan dan Taiwan sektor industri kampung menjadi penyumbang utama kebangkitan ekonomi mereka.

Budaya keusahawanan Malaysia masih bergantung kepada acuan Barat. Tidak ada model yang boleh diketengahkan walaupun ada 'peniruan' budaya burger melalui Ramly Burger, ataupun budaya makanan segera melalui Brahim Food tetapi dalam bidang lain tiada model mantap yang dapat menjadi pemangkin.

Mungkin apa yang paling ketara dewasa ini menjadi pusat perhatian dunia adalah keupayaan sektor perbankan Islam yang kita usahakan. Menonjolkan sistem perbankan Islam selaku instrumen pembiayaan alternatif yang mantap akan menyebabkan negara kita boleh memainkan peranan menerajui sistem perbankan alaf baru yang menekankan bukan saja konsep pembiayaan yang lebih jujur, bersih dan bertimbang rasa tetapi turut mempromosi Islam sebagai agama sempurna yang tidak menolak materialisme.

Dalam industri petroleum, Petronas boleh memainkan peranan dengan merangka program pembangunan perniagaan jangka panjang bukan saja memperkenalkan jenama mereka melalui kegiatan permotoran, tetapi memasarkan secara agresif produk ke seluruh dunia.

Dengan sumber kewangan kukuh dan Dr Mahathir menduduki kerusi penasihat, Petronas boleh memainkan peranan lebih proaktif terutama dalam kerja penyelidikan yang merangkumi industri berkaitan petroleum.

Dalam industri automobil, keupayaan syarikat pengeluar rim sport BSA memang mengagumkan. Dengan sedikit perancangan yang lebih mantap dan mampan diyakini jenama ini mampu menyaingi jenama lain.

Dalam pertanian, Malaysia adalah pengeluar produk utama makanan berasaskan minyak sawit. Malangnya jenama kita kurang menyerlah pada peringkat antarabangsa. Jika diwujudkan satu rancangan atau strategi jangka sederhana dan panjang secara bersepadu membabitkan sektor swasta dan kerajaan bagi mengetengahkan secara agresif produk berasaskan sawit dalam pelbagai bentuk nescaya Malaysia lebih gemilang, cemerlang dan terbilang.

Kita turut melihat jenama buatan Malaysia terutama produk elektrik dan elektronik seperti 'I' dan Khind antara yang paling menyerlah. Apa yang agak menyulitkan di sini adalah persaingan harga dengan produk buatan China.

Oleh itu, struktur dan segmen pasaran perlu diberikan perhatian. Inilah yang perlu diberi perhatian supaya syarikat tempatan lebih berdaya saing.